

**TAWARAN BIASISWA SKIM PELAJAR CEMERLANG YAYASAN TERENGGANU  
PERINGKAT IJAZAH PERTAMA  
(LEPASAN ASASI/MATRIKULASI/DIPLOMA/STPM/STAM/ ATAU SETARAF)**

**SYARAT PERMOHONAN**

**A. SYARAT UMUM**

- i. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.
- ii. Pemohon dan/atau ibu/bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih boleh juga memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.
- iii. Ibu/bapa dan/atau pemohon mestilah mendaftar sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.
- iv. Berumur tidak melebihi 25 tahun semasa memohon dan bujang / belum berkahwin.
- v. Keutamaan kepada pemohon dari keluarga berpendapatan rendah (B40).

**B. SYARAT KHUSUS**

**IJAZAH PERTAMA (PELBAGAI BIDANG)**

i. **Tawaran Pengajian**

Telah mendapat tawaran/tempat mengikuti pengajian di Universiti Awam dalam negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

ii. **Lepasan Program Persediaan (Asasi / Matrikulasi / Diploma atau Setaraf)**

Telah lulus dengan cemerlang (**CGPA 3.75 ke atas**) dalam peperiksaan program **persediaan (Asasi/Matrikulasi/Diploma atau setaraf) DAN** lulus SPM dengan mendapat **Gred B+ dalam lapan (8) mata pelajaran termasuk mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta minimum Band 3 dalam peperiksaan MUET.**

iii. **Lepasan STPM / STAM**

Lulus cemerlang dalam Peperiksaan **STPM/STAM (CGPA 3.75 ke atas @ Mumtaz)** dan sekurang-kurangnya **Gred B** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris** peringkat peperiksaan **SPM** serta sekurang-kurangnya **Band 3** dalam **MUET**.

iv. **Bidang Pengajian**

Pelbagai bidang / kursus.

Keutamaan diberi kepada mereka yang mengikuti bidang / kursus ikhtisas dan kritikal.

---

## **KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi pautan  
<https://ytpenajaan.terengganu.gov.my/login>

Permohonan mesti dilengkapkan dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

## **UJIAN BERTULIS & TEMUDUGA**

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Ujian Bertulis & Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

## **KEPUTUSAN TAWARAN**

Penawaran biasiswa kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kouta, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.